



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS : NO.A /400-2146/A/Klt.3 (21)

Tarikh : 14 Jun 2010

Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

Semua Bendahari Daerah

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BILANGAN 7 TAHUN 2010
PENGEMASKINIAN TEMPOH BAYARAN GAJI DAN ELAUN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM
NEGERI DAN PENGHANTARAN KEMBALI BAUCAR BAYARAN SARAAN JBN.14(PIN. 1/2008)**

1. TUJUAN

Tujuan surat pekeliling ini adalah untuk:-

- 1.1 Memaklumkan pengemaskinian tempoh bayaran Gaji dan Elaun Anggota Perkhidmatan Awam Negeri di dalam Rekod Induk Gaji, Sistem Gaji Pusat (SGP).
- 1.2 Memaklumkan penghantaran kembali baucar bayaran saraan JBN.14 (Pin. 1/2008) mengikut Pekeliling JBNS Bil. 9 / 2009 bertarikh 29 September 2009 perkara 4 (4.7).

2. PENGEMASKINIAN TEMPOH BAYARAN GAJI DAN ELAUN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH

Sebagai suatu alternatif untuk mengelakkan daripada berlakunya masalah **terlebih bayar gaji dan elaun kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang akan bersara**, perkara-perkara berikut hendaklah diambil perhatian:-

- 2.1 Sistem E-Pay A3 akan menolak secara automatik perubahan/pengemaskinian yang dibuat menggunakan tempoh bayaran/potongan "HINGGA 122099" berkuatkuasa bulan **Oktober 2010**.
- 2.2 Jabatan/Kementerian hendaklah menghantar input perubahan/pengemaskinian bayaran gaji dan elaun bagi semua Anggota Perkhidmatan Awam Negeri dibawah kawalan masing-masing mengikut tempoh perkhidmatan sehingga persaraan dengan memberi keutamaan kepada anggota yang akan bersara pada tahun ini (tahun 2010) melalui Sistem E-Pay A3.

Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bilangan 7 Tahun 2010

14 Jun 2010

- 2.3 Mengemaskini tarikh persaraan dalam Sistem Maklumat Sumber Manusia (SM2) di Jabatan/Kementerian masing-masing sekiranya belum berbuat demikian.

Sistem Gaji Pusat akan mengeluarkan penyata 'Rekod Gaji Induk (Master Payroll)' kepada semua Jabatan/Kementerian pada akhir bulan Julai 2010 untuk kemudahan menyemak tempoh bayaran/potongan gaji dan elaun.

Sekiranya tiada input perubahan dibuat selepas tempoh yang diberi, maka ianya dianggap persaraan adalah pada umur 55 tahun.

3. PENGHANTARAN KEMBALI BAUCAR BAYARAN SARAAN JBN.14 (PIN. 1/2008) Pekeliling JBNS Bil. 9 Tahun 2009 Bertarikh 29 September 2009 Perkara 4 (4.7)

- 3.1 Pembayaran gaji dan elaun bagi Jabatan/Kementerian yang tidak mematuhi pekeling berkenaan akan dikeluarkan daripada Sistem E-Banking.


- 3.2 Jabatan/Kementerian adalah dinasihati untuk memastikan Baucar Bayaran Saraan dan penyata yang dikepilkan adalah lengkap dan teratur sebelum dikembalikan ke Seksyen Gaji dan Pencen, JBNS bagi mengelak teguran yang akan melambatkan lagi pemprosesan baucar berkenaan.

4. PENUTUP

Sekiranya terdapat kemusykilan dalam pelaksanaan pekeling ini, sila berhubung terus dengan Seksyen Gaji Dan Pencen, Jabatan Bendahari Negeri melalui nombor telefon 088 272000 atau 088 255628 untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut.

Sekian dan terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH CEKAP DAN AMANAH”


(CHUI NGET NGO)
Bendahari Negeri

BB/ACA/14062010

s.k Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Akauntan)

s.k Pengarah
Jabatan Pertanian
Wisma Pertanian
88632 KOTA KINABALU

(u.p: Ketua Akauntan)

s.k Pengarah
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 88
90009 SANDAKAN

(u.p: Ketua Akauntan)

s.k. Pengarah
Jabatan Tanah Dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU

(u.p: Ketua Akauntan)

s.k: Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 1, Blok A
Wisma Kewangan
88999 KOTA KINABALU

(u.p: Cik Cecilia Chang

Puan Chia Pit Hah

Cik Elizabeth Tai

Puan Rafidah Ali Hassan

Encik David Augutus)